

## *Biasiswa beri peluang intai rahsia niaga*



**PENERIMA BIASISWA DPPMS:** (Dari kiri) Encik Rohim dan Setiausaha Parlimen Kanan (Pendidikan dan Tenaga Manusia), Encik Hawazi Daipi, sempat beramah mesra dengan para penerima biasiswa termasuk Encik Anwaar (dua dari kanan) dan Cik Nursakinah (tudung putih), sambil diperhatikan oleh Presiden DPPMS, Encik Zahidi Abdul Rahman (paling kanan). – Foto KHALID BABA

**ATIYAH MOHD SAID**  
atiyahm@sph.com.sg

SEMASA Encik Mohd Anwaar Mohd Razali bekerja sambil belajar selama tiga bulan di Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura (DPPMS), beliau berpeluang 'mengintai' ke dalam dunia perniagaan yang memberinya inspirasi untuk berniaga.

Lantaran itu, beliau berharap biasiswa yang diterima daripada dewan dapat membuka peluang dalam dunia perniagaan.

Penuntut tahun ketiga bidang ekonomi di Universiti Pengurusan Singapura (SMU) itu adalah antara lapan penerima biasiswa DPPMS tahun ini.

Bilangan biasiswa yang diberikan tahun ini meningkat lebih seganda kepada lapan orang. Buat pertama kali juga, biasiswa turut diberikan kepada dua pelajar politeknik.

Ini dapat dicapai ekoran jumlah sumbangan lebih tinggi oleh korporat iaitu \$36,000, berbanding hanya \$15,000 pada tahun lalu.

Setiap biasiswa di peringkat universiti bernilai \$5,000, manakala peringkat politeknik \$3,000.

Menurut Encik Anwaar, 23 tahun, biasiswa itu akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk program pertukaran ke luar negara.

"Jika ini berlaku, saya akan menggunakan sebahagian besar duit ini untuk membiayai program itu. Saya berasa lega menerimanya kerana ia membantu meringankan beban kewangan saya.

"Tetapi saya juga berharap biasiswa ini akan mengukuhkan lagi hubungan saya dengan DPPMS dan dapat bekerjasama dengan mereka pada masa depan," jelas anak sulung dalam keluarga tiga beradik itu.

Penerima biasiswa politeknik, Cik

Nursakinah Begam Mohamed, 19 tahun berkata:

"Biasiswa ini akan membolehkan saya memberi tumpuan lebih baik kepada pelajaran di samping membantu ibu bapa saya yang membayar yuran sekolah."

Penuntut tahun pertama bidang perniagaan di Politeknik Temasek itu menambah bahawa biasiswa itu juga menggalakkannya untuk memperbaiki perniagaan tudung dalam talian yang dimulakan setahun lalu.

"Saya berharap sekiranya dapat menyumbang tenaga di Dewan nanti, saya dapat melihat sendiri bagaimana perniagaan dikendalikan oleh peniaga kita dan sekali gus membolehkan saya meneroka dunia perniagaan dengan lebih serius lagi," kata anak sulung dalam keluarga dua beradik itu.

Kesemua penerima menerima biasiswa daripada Setiausaha Parlimen Kanan (Pendidikan dan Tenaga Manusia), Encik Hawazi Daipi.

Sementara itu, Mantan Presiden Terkini (IPP) DPPMS, Encik Abdul Rohim Sarip, menjelaskan pemberian biasiswa yang lebih banyak tahun ini bertepatan dengan sasaran mengandakan jumlah biasiswa diberikan tahun lalu.

"Kami gembira dapat menjalankan komitmen ini ekoran sokongan teguh daripada para anggota kami dan penaja korporat. Masyarakat peniaga sangat percaya bahawa pendidikan adalah kunci dalam mendorong keusahawanan dan syarikat.

"Kami juga memutuskan menawarkan kepada peringkat politeknik kerana mahu menggalak anak Melayu kita menceburi dunia keusahawanan," ujarnya.

Antara firma yang menyumbang termasuk Al Noor International yang mendermakan \$10,000 serta firma pengurusan amanah saham Malaysia, Amanah Mutual Berhad yang menyumbang \$12,000.